

# Jangan berguna

# Mahathir untuk

# kepentingan peribadi

UM - 8/8/2006

KANGAR 7 Ogos - Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim meminta semua pihak supaya jangan menggunakan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk kepentingan peribadi.

Katanya memandangkan kepada usia Tun Mahathir yang sudah menjangkau 82 tahun adalah tidak wajar untuk membawanya ke sana ke mari semata-mata bagi sesuatu kepentingan peribadi atau diri sendiri.

"Cuba kita lihat datuk atau bapa kita di rumah yang berumur sedemikian tentu juga kita tidak suka jika dibiarkan orang membawa datuk atau bapa kita itu ke merata tempat. Begitu jugalah kepada Tun (Dr. Mahathir)," kata beliau.

Shahidan berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan pagi kakitangan perkhidmatan awam negeri dan Persekutuan di pekarangan Kompleks Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Menurutnya, kepimpinan negeri tetap melahirkan rasa terima kasih terhadap bekas Perdana Menteri itu sepanjang hayat memandangkan beliau banyak berjasa kepada pembangu-

nan bangsa dan negara.

Tetapi pada masa yang sama, taat setia yang tidak berbelah perlu diberi kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri dan ketua pentadbiran negara sekarang, katanya.

Beliau berkata, kepimpinan negeri Perlis tidak pernah menyekat sesiapa pun untuk mengundang Tun Mahathir datang ke negeri ini tetapi dalam keadaan sekarang dirasai masanya kurang sesuai dan biarlah bekas Perdana Menteri itu diundang pada masa lain.

Katanya, jika kedatangan bekas Perdana Menteri itu untuk memberi ucapan berbentuk persoalan mengenai kepimpinan kerajaan majlis belia, ia perlu dianjurkan.

"Apa yang kita mahu supaya tidak ada mana-mana pihak yang cuba memperkotak-katikkan kepimpinan yang ada, kerana banyak lagi tanggungjawab lain yang perlu dilaksanakan mereka terutama program-program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan," ujar Shahidan.

- Bernama